



11 DEC, 2025

## Dua beranak rentung dalam kebakaran rumah

Sinar Harian, Malaysia



Page 1 of 2



Pasukan bomba menyelamatkan seorang mangsa yang cedera dalam kebakaran sebuah rumah di di Lorong Nakhoda 5, Taman Rathna, Butterworth pada pagi Rabu.

## Dua beranak rentung dalam kebakaran rumah

**BUTTERWORTH** - Seorang wanita bersama anak angkatnya ditemukan rentung manakala seorang lagi mangsa cedera dalam kebakaran sebuah rumah di Lorong Nakhoda 5, Taman Rathna di sini pada pagi Rabu.

Dalam kejadian pada jam 9.41 pagi itu, kebakaran membabitkan sebuah rumah berkembar kelas A dengan anggaran kemusnahan 85 peratus.

Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Pulau Pinang, Mohamad Shoki Hamzah berkata, sebaik menerima panggilan kecemasan, pasukan dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Butterworth bersama bantuan BBP Penanti, Bandar Perda dan Kepala Batas bergegas ke lokasi.

"Kita tiba di lokasi pada jam 10.06 pagi dan menjalankan operasi penyelamatan dan pemadaman secara ofensif dan defensif.

"Seorang mangsa lelaki berusia lingkungan 20-an berjaya dibawa keluar. Dia ditemui dalam keadaan cedera di kawasan pintu dapur pada jam 10.21 pagi.

"Dua lagi mangsa, Hayani Yaakob, 50-an, dan anak angkatnya yang dikenali sebagai Andra berusia antara 4 hingga 5 tahun ditemukan rentung di ruang tamu berhampiran pintu keluar utama pada jam 10.59 pagi," katanya dalam satu kenyataan pada Rabu.

Beliau berkata, kebakaran berjaya dikawal pada jam 10.15 pagi sebelum dipadamkan sepenuhnya pada jam 11.21 pagi.

"Seramai 20 anggota dengan empat jentera termasuk FRT dan EMRS terlibat dalam operasi tersebut, selain bantuan daripada polis, Tenaga Nasional Berhad, Kementerian Kesihatan serta Pasukan Bomba Sukarela Sungai Puyu.

"Kerja-kerja *overhaul* masih dijalankan dan punca kejadian sedang disiasat," katanya lagi.